

## Ambil peluang divaksin sebelum 1 November - CUEPACS

Suzalina Halid - Oktober 19, 2021 @ 2:53pm

suzalina@bh.com.my



Foto NSTP/Danial Saad

KUALA LUMPUR: Penjawat awam yang belum mendapatkan vaksin tanpa sebarang alasan dinasihat berbuat demikian sebelum tindakan tegas termasuk ditamatkan perkhidmatan dikenakan mulai 1 November ini.

Presiden CUEPACS, Adnan Mat, berkata kira-kira 1.62 peratus penjawat awam yang enggan divaksin masih mempunyai masa untuk mendapatkan suntikan bagi mengelakkan sebarang tindakan tatatertib atau ditamatkan perkhidmatan.

"Kita amat menyokong pekeliling perkhidmatan dikeluarkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) selepas melalui proses libat urus dengan pemegang taruh termasuk CUEPACS.

"Jadi kepada penjawat awam yang belum divaksin, masih ada ruang untuk mereka mengambil suntikan itu.

"Ini kerana apabila tiba masanya pelaksanaan 100 peratus kehadiran kakitangan di pejabat, ketua jabatan akan dapat mengenal pasti pekerja yang tidak divaksin," katanya kepada BH, hari ini.

Semalam, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 tahun 2021 oleh JPA menyatakan penjawat awam yang tidak mematuhi arahan daripada ketua jabatan untuk mendapatkan dos vaksin COVID-19 selepas 1 November boleh dikenakan tindakan tatatertib atau ditamatkan perkhidmatan.

Menurut pekeliling itu, pegawai yang tidak boleh melengkapkan vaksin COVID-19 atas sebab kesihatan bagaimanapun boleh dikecualikan daripada arahan itu selepas membuat pemeriksaan kesihatan dan disahkan oleh pengamal perubatan berdaftar.

Pegawai yang tidak boleh menerima vaksin COVID-19 atas faktor kesihatan bagaimanapun perlu membuat ujian pengesanan dengan kosnya ditanggung oleh kerajaan.

Pada masa sama, Adnan berkata, kerajaan sebagai majikan seperti mana sektor swasta mempunyai hak untuk mengambil tindakan terhadap mana-mana pekerja yang melanggar arahan termasuk melalui pengambilan vaksin.

Ini kerana katanya, adalah penting untuk kerajaan memastikan suasana kerja yang selamat bagi 98 peratus penjawat awam yang sudah divaksin.

"Penjawat awam (yang tidak mengambil vaksin) berasakan itu hak mereka tetapi hak majikan juga harus diambil kira.

"Keberadaan penjawat awam tidak divaksin boleh menyebabkan tercetusnya keadaan tidak selamat di tempat kerja," katanya.

Beliau berkata, keengganahan penjawat awam mengambil vaksin memberikan gambaran negatif kepada rakyat, sekali gus menjelaskan penyampaian sistem kerajaan yang boleh menyumbang kepada krisis keyakinan masyarakat terhadap perkhidmatan awam.

Ini kerana katanya, sebagai tulang belakang kerajaan sepatutnya mereka inilah yang menjadi kumpulan pertama menyokong sebarang dasar kerajaan termasuk membabitkan isu pengambilan vaksin.